

Kemuncak sambutan Maulidur Rasul UMS pada 15 Feb ini

UB 01-02-2012 A7

KOTA KINABALU: Kemuncak Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Universiti Malaysia Sabah (UMS) 1433H/2012M akan diadakan pada 15 Februari ini bertempat di Dataran Dewan Canselor UMS. Ia akan dimulakan dengan Majlis Perhimpunan seawal jam 7 pagi disusuli dengan perarakan masuk ke dalam Dewan Canselor UMS.

Menurut kenyataan daripada Bahagian Perhubungan Korporat, UMS, di sini kelmarin, bertemakan ‘Persefahaman Asas Perpaduan Ummah’, sambutan itu yang diadakan sejak 17 Januari lalu telah dikendalikan oleh Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE) dengan kerjasama Unit Hal Ehwal Islam Masjid (UHEIM) UMS.

Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan bagi mengimarahkan lagi sambutan pada kali ini. Antaranya, pertandingan penulisan kreatif dan ihtifal, musabaqah al-Quran serta pertandingan nasyid terbuka kepada kakitangan lelaki dan perempuan. UMS juga mengadakan pertandingan mewarna, bercerita, menulis khat dan busana muslimah bagi kategori anak-anak kakitangan melalui slot Riang Ria Maulidur Rasul.

Kemuncak acara sambutan ini juga bakal diserikan lagi dengan persembahan istimewa daripada bekas vokalis Raihan, Ustaz Nazrey Johani. Majlis perasmian dan penyampaian hadiah kepada para pemenang akan disempurnakan oleh Naib Canselor UMS, Brig. Jen. Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Hj. Ampom.